

PCC 2014 terap nilai keusahawanan

Serdang: Demi menerapkan nilai keusahawanan dalam kalangan masyarakat terutama penuntut, Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Putra Canselor Carnival (PCC) 2014 bermula semalam sehingga Ahad ini.

Karnival diadakan di Kolej Canselor Padang C UPM, itu menyediakan pelbagai program dan aktiviti khusus untuk golongan muda termasuk menggalakkan kegiatan perniagaan menerusi gerai jualan yang disediakan.

Pengetua Kolej Canselor, Dr Hanafiah Ayub berkata karnival tiga hari itu adalah medium terbaik buat penuntut UPM menimba ilmu mengenai keusahawanan supaya menjadi bekalan di masa depan.

Menurutnya, selain gerai jualan, karnival turut menyajikan pelbagai program antaranya aktiviti sukan seperti futsal, sepak takraw, catur

serta aktiviti kerohanian dan motivasi.

“Karnival ini adalah acara tahunan dan turut menganjurkan pertandingan futsal dan sepak takraw yang sehingga kini mendapat sambutan cukup baik daripada penuntut serta kelab sukan di seluruh negara.

“Kita juga menyediakan aktiviti seperti Malam Cinta Allah dan Rasul yang dipimpin kumpulan NowSeeHeart selain motivasi untuk anak muda khusus untuk penuntut di universiti ini,” katanya ketika Majlis Perasmian PCC 2014, di Kafeteria Kolej Canselor UPM, semalam.

Majlis dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran dan turut dihadiri Pengerusi-Pengerusi Kolej Kediaman UPM serta wakil penuntut.



DR Mohamad Shatar (kanan) dan Dr Hanafiah melihat baju program Putra Canselor Carnival.